

Reçu CLT/LHE
Le 14 AVR. 2023
N°.....0255.....

MALAYSIA



DEPARTMENT OF NATIONAL HERITAGE
MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE

NATIONAL HERITAGE



CATEGORY : **HERITAGE OBJECTS**
TYPE : **INTANGIBLE HERITAGE**
HERITAGE OBJECT : **KEBAYA PENDEK**
REGISTRATION YEAR : **2016**
GAZETTE NUMBER : **P.U.(A)334**

BACKGROUND :

The *Kebaya Pendek* (short *kebaya*) is also known as *Kebaya Nyonya*, *Baju Bandung*, *Baju Kota Bharu*, *Baju Belah*, *Baju Kebaya Sulam* or *Kebaya Biku*. In Malaysia, the *Kebaya Pendek*, which is known as the *Baju Bandung* or *Baju Kebaya Sulam*, is worn by the Malays, Chitti and Nyonya from Melaka, Pulau Pinang, Kelantan and Terengganu. For the *pribumi* (indigenous) communities of Sarawak, the *Kebaya Pendek* has become one of their favoured traditional garments, to this day.

The *Kebaya Pendek* is typically made from *kasa ropia*, *kasa swiss* and polyester (type of fabric). The Malays like to use see-through lace cloth with unlimited patterns and colours. The *Kebaya Pendek* is typically worn with a *batik sarong*, *kain batik lepas* and *songket* cloth. Because of the *Kebaya Pendek* is see-through, it is worn with a large, white camisole made of fine cotton cloth. The camisole is also beautifully embroidered and sometimes decorated with crocheted lace.

There are various kinds of embroidery on the *Kebaya Pendek*, such as *sulaman tampal*, *sulaman satin* and *sulaman kerawang*. The *Kebaya Pendek* has a very simple cutting. Its cutting comprises of two pieces for the front of the body, one piece for the back of the body, and two pieces for the sleeves. The waist is cinched inwards to create an hourglass shape. By using dart stitching on both the front and back, the wearer's figure is better accentuated. Its length reaches the hips and some even prefer it to be cut even shorter. The front is cut so that it tapers from the hips.

In addition, there is also a *kebaya pendek* called the *Baju Kebaya Sekerat Tiang*. Its cutting is similar, but its length reaches above or at the knee. This cut was originally favoured during the 1960s.



DEPARTMENT OF NATIONAL HERITAGE
MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE

NATIONAL HERITAGE



CATEGORY : **HERITAGE OBJECTS**
TYPE : **INTANGIBLE HERITAGE**
HERITAGE OBJECT : **KEBAYA LABUH**
REGISTRATION YEAR : **2016**
GAZETTE NUMBER : **P.U.(A)334**
BACKGROUND :

The *kebaya* is believed to be originated from the Arabic or Turkish word *habaya*, or *al akibaya al Turkiyya*, which means a long garment that is split at the front, down to the feet. However, in the Malay Peninsula, this garment is called *Kebaya Labuh* (long *kebaya*) by the Malays and *Baju Belah Labuh* or *Baju Panjang* by the Nyonya Peranakan, while the hem only reaches below the knee or ankle. This garment is

usually worn with a *sarong pelikat*, *Bugis* woven cloth, *songket* cloth or made as a matching set. Since long ago, the *Kebaya Labuh* has only been worn with a *sarong* that is folded at the front. If wearing a cloth with a *kepala* (main/ head panel of the cloth), the pattern would be placed at the front of the external fold.

The original *Kebaya Labuh* has a *belah* (split) and *pesak* (pleats) at the front. The *pesak* is attached at the front from the nape downwards, and is split. The open front is studded with three brooches, whether a set of “mother and child” brooches, or chained brooches. The sleeves are cut evenly, like the sleeves of the *Baju Kurung*, and are joined with a *kekek* (gusset) before being attached to the garment’s body. The original *kebaya* blouse does not have a placket for buttons, but only has an overlap between the left and right sides, which is held together with a brooch or pin.

In Malaysia, the *Kebaya Labuh* is worn by women in Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah and Perlis. Meanwhile, in Melaka and Pulau Pinang, this garment is also worn by the Baba Nyonya, Chinese Peranakan and Indians. There are no limitations for the types of fabric that can be used to make the *Kebaya Labuh*, but it is decided according to taste, social status and the occasion for which it is worn. Most *Kebaya Labuh* that are made for daily use are made out of thin but durable fabrics, as well as plain or floral-patterned cotton cloths. For ceremonies, they can be made from brocades, Chinese satin, silk and callandered *Bugis* woven and sometimes decorated with *perada emas* (gold leaf).



**JABATAN WARISAN NEGARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

WARISAN KEBANGSAAN



KATEGORI : OBJEK WARISAN
JENIS : WARISAN TIDAK KETARA
OBJEK WARISAN : KEBAYA PENDEK
TAHUN WARTA : 2016
NO. WARTA : P.U.(A) 334
LATAR BELAKANG :

Kebaya Pendek juga dikenali sebagai Baju Kebaya Nyonya, Baju Bandung, Baju Kota Bharu, Baju Belah, Baju Kebaya Sulam atau Kebaya Biku. Di Malaysia, Kebaya Pendek yang dikenali sebagai Baju Bandung atau Baju Kebaya Sulam dipakai oleh

orang Melayu, Chetti dan Nyonya dari Melaka, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu. Bagi masyarakat pribumi Sarawak, Baju Kebaya Pendek ini menjadi salah satu pakaian tradisi yang amat digemari hingga ke hari ini.

Baju Kebaya Pendek lazimnya diperbuat daripada kain kasa ropia, kasa swiss dan kain polyester. Orang Melayu gemar menggunakan kain lace yang jarang dengan ragam hias dan warna yang tidak terbatas. Baju Kebaya Pendek kebiasaannya dipadankan dengan kain batik sarung, kain batik lepas dan kain songket. Oleh kerana Baju Kebaya Pendek amat jarang, ianya dipakai dengan anak baju bersaiz besar berwarna putih yang diperbuat daripada kain kapas halus. Anak baju ini juga disulam cantik yang kadang kala berhias renda-renda yang dikait.

Berbagai-bagai jenis sulaman terdapat pada Kebaya Pendek ini seperti sulaman tampal, sulaman satin dan sulaman kerawang. Baju Kebaya Pendek mempunyai potongan yang sangat mudah. Potongannya mengandungi dua keping badan hadapan, satu keping badan belakang dan dua keping lengan. Bahagian pinggang badan dicengkik ke dalam bagi membentuk bahagian pinggang. Dengan cara menjahit dengan jahitan dart pada kedua-dua bahagian depan dan belakang pinggang susuk tubuh pemakai lebih jelas kelihatan. Labuhnya hingga ke paras punggung dan ada juga mereka yang menggemari potongan yang lebih pendek. Potongan bahagian hadapan diserongkan tirus dari punggung.

Terdapat juga baju kebaya yang disebut sebagai Baju Kebaya Sekerat Tiang, iaitu potongannya sama tetapi labuh baju ini adalah di atas paras lutut atau pada paras lutut sahaja. Potongan ini diminati sekitar tahun-tahun 1960an.



**JABATAN WARISAN NEGARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

WARISAN KEBANGSAAN



- KATEGORI** : **OBJEK WARISAN**
- JENIS** : **WARISAN TIDAK KETARA**
- OBJEK WARISAN** : **KEBAYA LABUH**
- TAHUN WARTA** : **2016**
- NO. WARTA** : **P.U.(A)334**
- LATAR BELAKANG** :

Baju kebaya dipercayai berasal daripada perkataan Arab atau Turki iaitu *habaya* atau *al akibaya al Turkiyya* yang bermaksud pakaian labuh yang berbelah di bahagian hadapan sampai ke kaki. Namun, di Tanah Melayu, baju ini disebut sebagai Kebaya Labuh bagi orang Melayu dan Baju Belah Labuh atau Baju Panjang oleh Nyonya Peranakan dan labuhnya hanya ke paras bawah lutut atau buku lali.

Baju ini akan dipadankan dengan kain sarung pelikat, kain tenun Bugis, kain songket atau dibuat sedondon. Sejak dahulu lagi, Kebaya Labuh hanya dipakai dengan kain sarung yang dilipat tangkup ke hadapan. Jika memakai kain sarung berkepala, kepala kain diletak di hadapan luar pelipat.

Kebaya Labuh yang asli mempunyai potongan yang berbelah serta berpesak di hadapan. Pesak dipasang di hadapan dari tengkuk ke bawah terbelah. Bahagian depan yang terbuka disemat dengan tiga butir kerongsang sama ada kerongsang ibu dan anak atau kerongsang berantai. Lengannya dipotong sama rata seperti lengan Baju Kurung dan dicantumkan dengan kekek sebelum dilekatkan pada badan baju. Baju Kebaya yang asli tidak berlidah apabila dipakai tetapi hanya ditindih antara kiri dan kanan sahaja dan disematkan dengan kerongsang atau pin.

Di Malaysia, Kebaya Labuh ini dipakai oleh wanita di Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Perlis. Di Melaka dan Pulau Pinang, pakaian ini turut dipakai oleh Baba Nyonya, Peranakan Cina dan juga India. Fabrik Kebaya Labuh adalah tidak terbatas tetapi mengikut citarasa, darjat dan suasana ketika dipakai. Kebanyakan Kebaya Labuh yang dijadikan pakaian harian diperbuat daripada kain-kain kasar nipis, kain kapas kosong atau berbunga. Untuk upacara keramaian, ia diperbuat daripada kain-kain broked, kain satin Cina, kain sutera, kain tenun Bugis yang digerus dan ada juga yang ditelepok dengan perada emas.